



ALBUM: Murid-murid An Nur SK Lubok Temiang bergambar kenangan bersama Durasad, guru Pemulihan Khas SK Layang-layangan dan guru pengiring.



KUNJUNGAN: Abdul Rahman dan guru Pemulihan Khas SK Bebuloh gembira menerima kunjungan murid-murid An Nur dan guru pengiring SK Lubok Temiang.

Murid SK Lubok Temiang didedahkan dengan pembelajaran inovasi

LABUAN: Seramai 25 murid An Nur Sekolah Kebangsaan (SK) Lubok Temiang menyertai Program Lawatan Sambil Berinovasi ke SK Layang-Layangan dan SK Bebuloh, Wilayah Persekutuan Labuan pada 4 Mac lalu. Program anjuran Panitia Bahasa Melayu dan Unit Pemulihan SKLT1 itu disertai tiga orang guru iaitu Norhasiken Mohd Dahli, Rafiah Suhaili dan Venessa Joseph Sagar Singh.

Norhasiken berkata program itu bertujuan mendedahkan murid dengan pembelajaran inovasi.

Selain itu, katanya, murid-murid boleh berkolaborasi dengan guru-guru dan murid-murid dari sekolah lain.

“Menertasi program itu juga ia akan menambah ilmu pengetahuan dan meningkatkan semangat murid terhadap pembelajaran yang baharu berbentuk inovasi,” katanya ditemui selepas program itu berakhir.

Kedua-dua program itu dihadiri Guru Besar SK Layang-Layangan Durasad Edris dan Guru besar SK Bebuloh Abdul Rahman Salim.

Guru Pemulihan Khas SK Layang-Layangan Alawiyah Mohamad dan Guru



BUKU BESAR: Guru Pemulihan Khas SK Layang-Layangan Alawiyah menunjukkan ‘big book’ kepada murid-murid An Nur SK Lubok Temiang.

Pemulihan Khas SK Bebuloh Siti Hajar Imran turut hadir mengiringi murid dan guru SK Lubok Temiang.

Norhasiken berharap semoga program ini dapat meningkatkan semangat dan potensi diri murid.

“Kami berharap program itu akan dapat meningkatkan motivasi murid berusaha lebih gigih agar mencapai kejayaan dalam hidup,” katanya. Sementara itu, Guru Besar SK Lubok Temiang

Haji Adam Abdul Rahim melahirkan keyakinan murid-murid sekolah itu juga mampu memperoleh kejayaan dalam pelbagai bidang khususnya akademik, kokurikulum dan sahsiah. “Saya berharap menertasi program seperti itu, murid SK Lubok Temiang akan lebih yakin pada masa hadapan,” katanya sambil merakamkan ucapan penghargaan kepada kedua-dua rakan sejawatnya di SK Layang-Layangan dan SK Bebuloh.